



**IBU PEJABAT**  
**JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA**  
**Fire And Rescue Department of Malaysia**  
Lebuh Wawasan, Presint 7  
62250 PUTRAJAYA  
MALAYSIA



Telefon : 603-88880036  
Faks : 603-88880940  
Laman Web : [www.bomba.gov.my](http://www.bomba.gov.my)  
E-mel : [korporat@bomba.gov.my](mailto:korporat@bomba.gov.my)

Ruj Tuan :  
Ruj Kami : JBPM:RT/(S)/05/2019(03)  
Tarikh : 15 November 2019

## SURAT NIAT



**En. Shamsul Kamar Bin Samsudin**  
**Pengarah Urusan**  
**Galaxy Aerospace (M) Sdn. Bhd.**  
11-14, Helicopter Center  
Malaysia International Aerospace Center  
47200 Subang,  
**Selangor**

Tuan,

**PEROLEHAN PERKHIDMATAN PENYENGGARAAN DAN BEKALAN ALAT GANTI BAGI TIGA (3) UNIT HELIKOPTER AGUSTA A109E/AW139 MILIK JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA (JBPM) BAGI TEMPOH SELAMA TIGA (3) TAHUN + DUA (2) TAHUN**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kerajaan Malaysia secara dasarnya bersetuju melantik **Syarikat Galaxy (M) Sdn. Bhd. (GASB)** bagi **Perkhidmatan Penyenggaraan Dan Bekalan Alat Ganti Bagi Tiga (3) Unit Helikopter Agusta A109E/AW139** milik **Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM)**. Walau bagaimanapun, Kerajaan perlu terlebih dahulu mengadakan rundingan lanjut dengan Tuan berhubung dengan terma-terma tertentu terutamanya yang berkaitan dengan perkara-perkara berikut:-

### 'CEPAT DAN MESRA'



- 2.1 Terma Rujukan (*Term of Reference – TOR*)
- 2.2 Harga Tawaran;
- 2.3 Jadual/Terma Bayaran; dan
- 2.4 Terma/Syarat-Syarat Kontrak (yang akan dimeterai).


3. Bagi tujuan rundingan tersebut, Kerajaan bercadang untuk mengadakan mesyuarat di antara wakil-wakil Kerajaan dengan pihak Tuan. Sila nyatakan secara rasmi persetujuan Tuan untuk berunding dalam tempoh **empat belas (14) hari** daripada tarikh surat ini. Jika Tuan bersetuju, tarikh mesyuarat/rundingan akan ditetapkan kelak.

4. Surat ini adalah **RAHSIA KERAJAAN** dan tidak boleh disebarikan kepada mana-mana pihak lain. Tuan juga adalah dikehendaki untuk menandatangani Surat Akuan Pembida seperti dalam Lampiran G kepada Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 10 Tahun 2010 yang disertakan di **Lampiran A**. Tuan juga dikehendaki melengkapkan jadual tawaran harga merangkumi skop kerja MRO, *Power by Hours* (PBH) dan *Over and Above* seperti di **Lampiran B**. Kedua-dua lampiran ini perlu dikembalikan bersama-sama dengan persetujuan di para 3 di atas.

5. Surat ini hanyalah suatu **Surat Niat sahaja** dan **tidak boleh ditafsirkan dalam apa-apa cara jua sebagai mengikat Kerajaan**.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



**(DATO' MOHAMMAD HAMDAN BIN HJ WAHID)**

Ketua Pengarah

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

s.k

1. Timabalan Ketua Pengarah (Operasi)  
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

2. Pengarah Bahagian Udara  
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
3. Cawangan Kewangan  
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
4. Fail

**SURAT AKUAN PEMBIDA**

**Bagi**

**PEROLEHAN PERKHIDMATAN PENYENGGARAAN DAN BEKALAN ALAT GANTI BAGI TIGA (3) UNIT HELIKOPTER AGUSTA A109E/AW139 MILIK JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA (JBPM) BAGI TEMPOH SELAMA TIGA (3) TAHUN + DUA (2) TAHUN**

Saya, .....(nama penuh) nombor K.P ..... yang mewakili ..... nombor Pendaftaran ..... dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia** atau mana-mana individu lain, sebagai ganjaran untuk dipilih dalam perolehan di atas. Bersama-sama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia** atau mana-mana individu lain sebagai ganjaran untuk dipilih dalam perolehan di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil :

- 2.1 penarikan balik tawaran Rundingan Terus di atas; atau
- 2.2 penamatan kontrak bagi Rundingan Terus di atas; dan
- 2.3 lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan yang berkuatkuasa.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai ganjaran mendapatkan perolehan di atas, maka saya berjanji akan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....

Nama :  
No. KP :  
Cop Syarikat :

**BILL OF QUANTITY FOR MAINTENANCE, REPAIR AND OVERHAUL (MRO)  
SERVICES, SUPPLY OF MATERIAL FOR THREE (3) UNITS OF HELICOPTER  
AGUSTA MODEL A109E (01 UNIT) AND AW139 (02 UNITS)**

Nos	Butiran Item/Kapasiti/ Bill of Quantity (BQ)	Tawaran Harga / Bulan	Tawaran Harga / 60 bulan
<b>A</b>	<b>PERFORMANCE BASED SCOPE</b> i Line Maintenance (24/7 Coverage) ii Schedule Maintenance Inspection iii Role Change iv Trouble Shooting and Rectification v Administration a) Contract Admin b) Aviation Insurance c) CAMO Services vi Consumable and Hardware vii Tool Maintenance & Equipment Management viii Ground Support Equipment, GSE Maintenance ix Safety Survival Equipment, SSE Maintenance x Role Equipment Inspection		
	<b>Sub-Total (A)</b>		
<b>B.1</b>	<b>POWER BY HOURS (MIN 30 FH/M)</b> i Component and Spare Purchase & Maintenance ii Engine and Component Maintenance and Overhaul iii Replacement of Component due to flying hours or due date iv Supply of Spares and Component v Subscription of Aircraft's Technical Publication and updating of data card or equivalent Packaging, store keeping, transportation, insurance, maintenance, repair, calibration, certification and verification of all material, consumables, coatings, solvents, lubricants, vi fasteners, spares, components, assemblies, equipment and tool.		
<b>B.2</b>	<b>POWER BY HOURS (MAX 50 FH/M)</b> i Component and Spare Purchase & Maintenance ii Engine and Component Maintenance and Overhaul iii Replacement of Component due to flying hours or due date iv Supply of Spares and Component v Subscription of Aircraft's Technical Publication Packaging, store keeping, transportation, insurance, maintenance, repair, calibration, certification and verification of all material, consumables, coatings, solvents, lubricants, fasteners, spares, components, assemblies, equipment and tool. vi Aircraft Ground Handling including Marshalling, Towing, Refuelling and Defuelling and aircraft cleaning vii		
	<b>Sub-Total (B) at MAX 50 FH/M</b>		
<b>C</b>	<b>OVER AND ABOVE</b> i Overtime Job ii Off-Base Job iii Licenses & Approval ( C of R, C of A, PtF) iv. Rental  (a) Hangar for one (01) unit helikopter A109E and two (2) unit helikopteat AW139 Subang including GSE and SSE (if any)  (b) Office for 20 Paxis at Subang (c) Storage for Fire Fighting and Rescue Equipment		
	<b>Sub-Total ( C )</b>		
	<b>SUB TOTAL ( A + B + C )</b>		
	<b>GRAND TOTAL with GST at MAX 50 FH/M</b>		